

# PERHIMPUNAN SISWA MERDEKA 2008 PUPUK SIFAT PERPADUAN KEPADA GENERASI AKAN DATANG

Oleh : Rosernifariza Ramlan dan Mashitoh Abu

24 Ogos 2008 - Stadium Tertutup Nilai Negeri Sembilan telah dimeriahkan dengan kehadiran Mahasiswa/i dari 17 IPTA, 12 IPG dan sebuah IPT swasta untuk melaksanakan program tahunan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara.

Perhimpunan Siswa ini juga dibantu oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan, Akademi Laut Malaysia dan beberapa Kebudayaan dan Kesenian Jabatan. Pada tahun ini lagu-lagu yang dimainkan adalah berunsurkan perpaduan selari dengan tema kemerdekaan yang ke-51 iaitu Perpaduan Teras Kejayaan yang akan disambut pada 31 Ogos 2008.

Perhimpunan Siswa Merdeka dikelolakan sepenuhnya oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan kerjasama Istana Budaya. Komitmen dan kesungguhan Mahasiswa/i dalam menjayakan program ini telah mendapat pujian sepenuhnya daripada Datuk Norliza binti Rofli, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang turut turun padang pada majlis raptai yang diadakan pada 23 Ogos 2008.



Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga tidak ketinggalan menghantar 13 orang Mahasiswa/i untuk menyertai kemeriahkan Perhimpunan Siswa Merdeka 2008 tersebut. Dr. Muzahet Bin Masruri Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara berbesar hati merasmikan Perhimpunan Siswa Merdeka 2008 dan seterusnya melancarkan Buku Prinsip Negara yang dikeluarkan oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negara. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi dan Timbalan Pengerusi Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM).

Sesungguhnya Perhimpunan Siswa Merdeka dapat memberi galakan dan sokongan kepada Mahasiswa/i dan generasi akan datang bahawa perpaduan penting untuk keamanan Negara.